



RASMI: Kasim memalu gong sebagai simbolik perasmian Majlis Aspirasi FKJ 2024 itu.

Fakulti Kejuruteraan UMS anjur Malam Aspirasi 2024

UB 21.11.2024 P.08

KOTAKINABALU: Fakulti Kejuruteraan (FKJ), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan Majlis Aspirasi Fakulti Kejuruteraan 2024 (MAF 2024) baru-baru ini.

Majlis dirasmikan oleh Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor dan dihadiri lebih 150 orang, terdiri 56 kakitangan sebagai penerima anugerah dan 93 penerima penghargaan.

Dalam ucapannya, beliau berkata pencapaian kakitangan di fakulti merupakan kebanggaan universiti dan sentiasa dititikberatkan oleh pihak pengurusan.

Menurutnya, kecemerlangan merupakan hasil kerjasama setiap individu dalam organisasi.



TAHNIAH: Kasim menyampaikan hadiah kepada seorang penerima anugerah majlis itu.

"Setiap sumbangan dan usaha individu tidak me-

ngira kecil atau besar sudah pasti membawa kepada

kecemerlangan lebih hebat iaitu kecemerlangan organisasi yang kelak memberi manfaat kepada negeri dan negara yang kita sayangi ini," katanya.

Beliau turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada kakitangan akademik FKJ atas usaha keras dan inisiatif yang dilaksanakan bagi mencapai sasaran ditetapkan.

Dalam majlis sama, FKJ turut melancarkan Portal Latihan Industri dan menyambut ulang tahun UMS ke-30.

Profesor Madya Ir. Ts. Dr. Ismail Saad, Dekan FKJ yang turut berucap dalam majlis itu menyatakan penghargaan kepada penerima anugerah dan semua pihak yang menjayakannya.